

Rumah Pusaka Musnah Terbakar

Oleh: Ana Arisha Md Dom, 1180204



Pihak bomba (kiri) bertungkus lumus memadamkan kebakaran rumah manakala kerja-kerja 'overhaul' sedang dijalankan (kanan). – FOTO PENDUDUK SETEMPAT

KUALA LANGAT: Sebuah rumah pusaka musnah dijilat api dalam satu kebakaran kira-kira jam 3 petang di Kampung Batu Laut dekat sini 23 November lalu.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Banting, Penolong Penguasa Bomba Muhammad Fadzrul Azren Md Razif berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 3.08 petang dan tiba di lokasi kejadian pada jam 3.35 petang yang terletak sejauh 25 km.

Menurutnya, seramai 26 anggota serta pegawai dari BBP Banting termasuk bantuan dari BBP Teluk Panglima Garang, BBP KLIA dan Persatuan Bomba Sukarela (PBS) Tanjung Sepat terbabit dalam operasi memadamkan kebakaran dibantu dua jentera Fire Rescue Team (FRT) dan satu Water Tanker.

“Sebaik tiba di lokasi kejadian, didapati sebuah rumah jenis kelas B yang berukuran anggaran keluasan 30x70 kaki, terbakar 70 peratus dan tiada mangsa dilaporkan,” katanya.

Tambahnya, ketika kejadian tiada mangsa yang berada di rumah kerana dikatakan orang terakhir meninggalkan rumah adalah pada jam 5 pagi.

Fadzrul berkata, api berjaya dikawal hanya beberapa minit setelah sampai iaitu pada jam 3.44 petang dan dipadamkan sepenuhnya pada jam 6 petang, disambung dengan kerja-kerja 'overhaul'.

"Punca kebakaran masih lagi dalam siasatan dan angka kerugian juga masih belum dikenal pasti," katanya.

Sementara itu, penghuni rumah, Rosnani Diman, 60, berkata, beliau meninggalkan rumah tersebut pada awal pagi hari kejadian dan mendapat panggilan tentang kebakaran tersebut pada jam 3.15 petang.

"Tiba-tiba pukul 3 petang saya dapat panggilan mengatakan rumah sudah terbakar. Semua sudah hancur menjadi abu, tiada apa pun yang tinggal," ujarinya pilu.

Difahamkan, beliau tinggal berseorangan di rumah peninggalan orang tuanya itu sejak kematian ibunya beberapa tahun yang lalu.

Rumah tersebut juga merupakan rumah pusaka kepada bekas ADUN Seri Serdang, Datuk Dr. Mohamed Satim Diman.